



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MAKLUM BALAS RASMI JABATAN TENAGA ATOM BERHUBUNG DAKWAAN KLUSTER KANSER DI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

DENGKIL, 20 APRIL 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Jabatan Tenaga Atom ingin memberi maklum balas berkaitan dakwaan kewujudan kluster kanser di Unit Perubatan Nuklear, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Berdasarkan Akta Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan Akta Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 (A1779), Pihak Berkuasa Perlesenan bahan radioaktif, bahan nuklear dan penjana sinaran bagi maksud bukan perubatan adalah Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia) dan bagi maksud perubatan adalah Ketua Pengarah Kesihatan (KPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Justeru, seperti ketetapan undang-undang, Bahagian Kawal Selia Radiasi Perubatan (BKRP), KKM telah melakukan siasatan ke atas dakwaan kewujudan kluster kanser di PPUM. Hasil siasatan KKM telah menunjukkan bahawa tiada isu pematuhan keselamatan sinaran yang kritikal yang boleh dikaitkan dengan dakwaan kewujudan kluster kanser di unit berkenaan.

Atom Malaysia dan BKRP sentiasa komited untuk memastikan keselamatan pekerja sinaran dan orang awam. Tindakan tegas seperti dalam ketetapan Akta 304 akan diambil terhadap mana-mana orang atau pemegang lesen yang tidak mematuhi Akta 304, peraturan dan syarat lesen.

#TAMAT#



Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
20 APRIL 2026